

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : SHAH ALAM DIALOGUE**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan program Shah Alam Dialogue yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2019?
- b) Berapakah bilangan program yang dianjurkan di bawah inisiatif Shah Alam Dialogue dalam 2020?
- c) Adakah Shah Alam Dialogue akan diteruskan dalam tahun 2021?

**JAWAPAN:**

- a) Program Shah Alam Dialouge telah mempunyai perancangan namun perlaksanaannya terhenti ketikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa. Oleh itu program ini akan disusun dan diatur semula pelaksanaannya selari dengan tuntutan norma baharu yang dikuatkuasa oleh Majlis Keselamatan Negeri (MKN)
- b) Berdasarkan perancangan program ini akan dilaksanakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2020. Namun begitu kesan daripada PKP, perancangan ini akan diperhalusi semula.
- c) Bagi tahun 2021 jika tiada sebarang perubahan dasar dari kerajaan Negeri program ini boleh diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2021**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan tentang tahun melawat Selangor 2021 memandangkan telahnya berlaku COVID-19 pada tahun ini dan mengakibatkan kemelesetan bidang pelancongan?

**JAWAPAN:**

- a) Penganjuran Tahun Melawat Selangor 2021 yang telah dirancang telah ditangguhkan untuk memberikan ruang terhadap isu pemulihan pandemik covid-19. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mengambil langkah proaktif menganjurkan kempen promosi pelancongan khusus bagi pasaran domestik iaitu, "***Pusing Selangor Dulu***" dan kempen bagi pasaran global iaitu, "***Splendid Selangor, Take Me Anywhere***".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dalam menghadapi COVID-19, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan Selangor apabila Pakatan Harapan tidak lagi menjadi Kerajaan Persekutuan. Bagaimana kerajaan Selangor mengatasi masalah-masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : LIPUTAN RANGKAIAN MUDAH ALIH DAN INTERNET LUAR BANDAR**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan liputan rangkaian mudah alih dan internet di kawasan luar bandar yang sangat teruk liputannya?
- b) Adakah kerajaan negeri akan memperluaskan liputan wifi smart selangor ke kampung - kampung dan meningkatkan kualiti liputannya?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat telco untuk menyelaraskan pembangunan Pelan Fiberisasi dan Kesalinghubungan Kebangsaan (*National Fiberisation and Connectivity Plan - NFCP*) dan pelan-pelan pembangunan rangkaian mudah alih. Penyelarasan ini dapat meningkatkan keluasan kawasan liputan terutama di luar bandar.
- b) Liputan WiFi Smart Selangor ke kampung – kampung, buat ketika ini adalah bergantung sepenuhnya kepada capaian pembekal perkhidmatan sedia ada. Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama dengan MBI dan SMARTSEL sedang melaksanakan penyusunan kawasan liputan dan memastikan kawasan-kawasan perumahan di luar bandar diberi keutamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada peminjam hijrah yang terkesan akibat pkk?
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan lagi program e-kitchen Selangor?
- c) Apakah terdapat cadangan mewujudkan sistem penjualan dalam talian khusus untuk peminjam dan pengusaha hijrah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Hijrah Selangor telah mengambil inisiatif untuk membina suatu ekosistem keusahawanan baharu dengan kerjasama syarikat penghantaran dengan mewujudkan platform digital. Platform digital ini dinamakan e-Kitchen Selangor yang membolehkan para peniaga menjana pendapatan semasa Ramadan selain dari memberi peluang rakyat Selangor membeli juadah berbuka puasa atas talian.

Tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada peminjam Hijrah yang terkesan akibat PKP adalah memberikan kelulusan moratorium atau penangguhan bayaran balik pinjaman Hijrah selama 3 bulan kepada hampir 40 ribu (atau 39,237) orang peminjam. Penangguhan ini melibatkan RM70 Juta kutipan bagi tempoh penangguhan tersebut. Selepas tempoh penangguhan tamat, Hijrah Selangor akan memberikan kelonggaran membuat penjadualan semula pinjaman kepada peminjam yang tidak berkemampuan membayar balik mengikut jumlah yang ditetapkan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Menteri Besar Selangor (Pemebadanan) atau MBI sedang dalam proses kajian dan penelitian menyeluruh terhadap keberkesanan program e-Kitchen fasa pertama yang telah dilaksanakan pada bulan Mei lalu. Setakat ini, Kerajaan Negeri belum lagi menerima maklumbalas daripada MBI berkaitan kajian tersebut.

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Rangkaian E-Bekalan Digital Selangor (SELDEC) bagi membantu meningkatkan pendapatan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta pengusaha luar bandar. SELDEC merupakan kerjasama bersama PKNS, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), KOHIJRAH bersama Kerajaan Negeri dan MMAG Holding Berhad bagi mencari usahawan yang berpotensi untuk menyertai program ini.

Majlis Perasmian dan Pelancaran SELDEC serta ucapan penyerahan dokumen kolaborasi antara MMAG Holding Berhad dengan PKNS, PKPS dan KOHIJRAH telah diadakan pada 3 Oktober 2019 bertempat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

SELDEC bertujuan menangani isu berkaitan ekosistem rangkaian pengurusan perniagaan dengan memanfaatkan sumber sedia ada, mengurangkan kos kitaran hayat pegangan produk dan mengurangkan isu orang tengah. Sistem itu menjadi lebih mudah sekaligus menjana keuntungan yang lebih baik kepada pengusaha dan usahawan luar bandar. Ia juga memberikan pendapatan sampingan kepada kurier yang menghantar barangan.

SELDEC dikuasakan dengan penggunaan aplikasi digital bagi membantu usahawan dan pengguna menempah barangan yang diinginkan secara terus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : SENARAI HITAM KONTRAKTOR GAGAL**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Oleh kerana pemilik syarikat yang disenarai hitam boleh menggunakan syarikat lain selepas syarikatnya disenarai hitamkan, adakah kerajaan bercadang menyenarai hitam nama pemilik syarikat (selain syarikat) bagi kontraktor bermasalah dan gagal memenuhi kerja-kerja selepas dilantik oleh PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya menyenarai hitam nama syarikat yang bermasalah/gagal sahaja serta mengambil tindakan berdasarkan kontrak perjanjian. Menyenarai hitam nama pemilik syarikat adalah diluar bidang serta kemampuan PBT kerana peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa perlu dipatuhi berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Ketidapatuhan Dalam Perolehan Kerajaan, PK8 iaitu perkara 2 Jenis-Jenis Tindakan/ Tatatertib.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : HADIAH IPTA**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa status Skim Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) tahun ini?
- b) Berapa pelajar layak mendapat Hadiah ini pada tahun 2019 dan 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) tidak dapat dibuka pada awal tahun ini kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan berikutan penularan Covid-19. Namun begitu, permohonan bagi tahun 2020 akan dibuka pada Ogos 2020.
- b) Seramai 2,458 orang pelajar telah layak mendapat Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) pada tahun 2019.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PASAR PAGI PANDAN PERDANA**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf pasar pagi Pandan Perdana ke kawasan lapang dihadapan Hong Leong Bank Pandan Perdana?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan menaik taraf pasar pagi Pandan Perdana ke kawasan lapangan di hadapan Hong Leong Bank tidak dapat dilaksanakan kerana kawasan tersebut berstatus kawasan lapang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH PERSENDIRIAN DI BUKIT JUGRA**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan tindakan susulan pihak berkuasa tempatan berhubung pembangunan tanah persendirian di Bukit Jugra yang tidak mempunyai kelulusan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kuota dan penerima skim peduli sihat terkini mengikut DUN?
- b) Apakah kelayakan utama terkini dalam permohonan inisiatif peduli sihat?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengembalikan program khairat kematian dengan nilai yang lebih rendah, memandangkan terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan Rakyat?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini YAWAS hanya mengendalikan program Jom Shopping SMUE sahaja dan masih belum terima sebarang pemakluman untuk menggantikan program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : MASALAH SAMPAH DI SELANGOR**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan yang boleh dan sedang dimainkan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) untuk mengatasi masalah sampah haram di peringkat PBT?
- b) Siapakah kontraktor sampah domestik KDEBWM di Kuala Langat dan senaraikan kekuatan dan semua aset kepunyaan kontraktor-kontraktor ini.

**JAWAPAN:**

- a) Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) tidak mempunyai peranan atau tanggungjawab yang khusus untuk pengurangan masalah sampah haram di PBT.

Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif Smart Selangor di bawah SSDU yang boleh digunakan oleh pihak PBT dan Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPB) untuk memperkasakan lagi operasi penguatkuasaan dan pemantauan melalui :

- 1) Smart Selangor Intelligent Operations Centre :  
Pusat pemantauan bersepadu UPB dan agensi-agensi negeri
  - 2) Smart CCTV dan Smart CCTV Analytics :  
100 unit CCTV yang mempunyai keupayaan pemantauan pembuangan sampah haram secara automatik di lokasi pemasangan.
  - 3) Aplikasi Communities Online (COOL) dan iClean Selangor :  
Membolehkan pengguna membuat pelaporan bergambar lokasi dan gambar longgokan sampah haram untuk tindakan PBT dan KDEB Waste Management
- b) Bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah domestik di Kuala Langat, KDEBWM telah melantik sebanyak enam belas (16) kontraktor. Lima belas (15) daripada kontraktor tersebut melaksanakan kutipan sampah domestik di lima belas

(15) zon kutipan yang telah ditetapkan manakala satu (1) lagi kontraktor melaksanakan kerja-kerja tarikan RORO di lima (5) pasar awam yang telah disenaraikan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Bagi menjawab soalan berkenaan kekuatan yang dimiliki oleh kontraktor-kontraktor kutipan sampah domestik ini, berdasarkan SOP kerja yang telah ditetapkan, kesemua kontraktor kutipan sampah domestik perlu mempunyai seorang (1) pemandu dan (3) orang krew bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah.

Kesemua kontraktor-kontraktor ini juga telah diberikan lori kompaktor baru oleh KDEBWM bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah domestik. Kontraktor-kontraktor ini juga mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) lori kompaktor sendiri yang digunakan sebagai '*back up*' sekiranya berlaku kerosakan atau perkara-perkara luar jangka lain terhadap lori kompaktor KDEBWM yang telah diberikan kepada mereka.

Kesimpulannya, kesemua kontraktor-kontraktor yang telah dilantik ini mempunyai keupayaan yang mencukupi dari segi pengalaman, kekuatan tenaga kerja serta aset dan logistik bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah domestik di Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KUTIPAN DERMA TIDAK SAH OLEH PENCERAMAH**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pentadbir agama negeri dan daerah ke atas penceramah yang mengutip derma secara tidak sah di masjid dan surau?

**JAWAPAN:**

- a) Menurut Seksyen 106 (1) Pungutan Khairat Tanpa Kebenaran, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan wang bagi apa-apa maksud bagi menyokong dan memajukan agama Islam dan bagi faedah orang-orang Islam kecuali dengan kebenaran nyata daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Tindakan Penguatkuasaan akan diambil jika terdapat aduan seseorang membuat kutipan khairat dengan dakwaan bagi memajukan agama Islam dan faedah orang-orang Islam tanpa kebenaran MAIS sama ada di masjid atau surau atau dimana-mana lokasi yang tidak dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH-TANAH YANG TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI  
TAPAK MASJID, SURAU DAN SEKOLAH AGAMA**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah proses bagi sekolah agama untuk memohon tanah membina bangunan baru untuk menampung kepadatan murid sekolah?
- b) Bagaimanakah cara atau kaedah yang mudah bagi permohonan pengwartaan baru tanah?
- c) Apakah insentif murid yang cemerlang dalam ujian UPKK dan psra dari Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a. Secara dasarnya sebarang pembinaan bangunan Sekolah Rendah Agama dilaksanakan melalui kelulusan yang diperolehi daripada pihak berkuasa negeri dalam perancangan Rancangan Malaysia. Sekiranya pihak sekolah mempunyai perancangan untuk membina bangunan baru, permohonan boleh dikemukakan kepada Bahagian Pendidikan Islam, JAIS untuk tindakan selanjutnya.
- b. Pihak Jabatan melaksanakan proses pewartaan dengan mengikut prosedur yang telah ditentukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah.
- c. Kerajaan Negeri ada memberikan insentif murid yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada setiap tahun melalui Anugerah Sultan Idris Shah. Murid yang cemerlang dan yang dipilih merupakan calon terbaik Negeri Selangor dengan menerima insentif sebanyak RM 1,500.00 setiap seorang di bawah peruntukan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : TABUNG COVID-19 SELANGOR**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dana terkumpul yang diperolehi Kerajaan melalui Tabung Covid-19 Selangor?
- b) Apakah bentuk perbelanjaan dan/atau bantuan yang disalurkan melalui dana terkumpul tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Tabung Khas Bantuan COVID-19 diwujudkan untuk membantu rakyat dan pemastautin di Negeri Selangor yang telah menerima kesan pandemik COVID-19. Ia merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk merangsang sokongan dan kerjasama orang awam serta sektor swasta khususnya di Negeri Selangor untuk bersama-sama Kerajaan Negeri membendung wabak tersebut. Sehingga 7 Julai 2020, dana terkumpul yang diperolehi Kerajaan melalui Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak RM8,845,942.70 termasuk melalui pembiayaan program-program CSR yang dilaksanakan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).
- b) Selari dengan tujuan Tabung Khas Bantuan COVID-19, wang sejumlah **RM6,348,725.70** daripada tabung ini telah digunakan bagi membiayai pelbagai insentif dan bantuan seperti yang telah diumumkan di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1 dan 2 kepada agensi terlibat. Antara insentif dan bantuan yang telah disalurkan adalah seperti berikut:
  - 1. Insentif RM200.00 (*one-off*) untuk petugas barisan hadapan di hospital Negeri Selangor;
  - 2. Menghargai petugas barisan hadapan yang merangkumi bantuan makanan dan keperluan *task force* COVID-19 Selangor;
  - 3. Makanan percuma mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL, KUIS dan INPENS;

4. Insentif Penjagaan Anak-Anak Kakitangan Petugas Barisan Hadapan Jabatan Kerajaan Di Selangor;
5. Membangunkan platform *e-learning* untuk pembelajaran secara online;
6. Insentif Digitalisasi bagi Program Inisiatif e-Kitchen Selangor;
7. Sumbangan Kepada Golongan Asnaf Yang Terkesan Akibat Covid-19;
8. Sumbangan Dana Tabung Khas Covid-19 kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS);
9. Bantuan Kos Pengurusan Dan Penyelenggaraan Bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dan Council Homes, Bandar Baru Bangi Di Bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin;
10. Inisiatif Digital Selangor Grab bersama servis-servis lain yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SUMBANGAN ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sumbangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada anak-anak syarikat untuk membantu meringankan beban rakyat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM IPR**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah prestasi program IPR sehingga kini bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah galakan yang telah diberi kepada NGO, Badan Persatuan atau Pertubuhan dalam usaha menyemarakkan aktiviti mereka dalam kerja-kerja kesukarelawanan, kemasyarakatan atau keselamatan penduduk?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN SEKOLAH PERSENDIRIAN**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tarikh untuk penyerahan bantuan kewangan kepada Sekolah Menengah Persendirian di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod permohonan yang telah diterima, pihak urus setia telah menerima permohonan daripada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Bantuan ini dijangka akan diedarkan bermula pada bulan Julai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BANJIR KILAT TAMAN TEMPLER**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan negeri akan menyelesaikan isu banjir kilat di Selayang Baru?
- b) Bilakah projek longkang akan diteruskan bagi melebarkan anak Sungai Udang khususnya dijalan 11, 21, 23, 27, 62 kerana kekerapan berlaku banjir kilat dan hujan lebat

**JAWAPAN:**

- a) Untuk mengurangkan isu banjir kilat di Selayang Baru pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Anak Sungai Udang di Selayang Sejati yang telah disiapkan pada 31 Julai 2019 dengan kos sebanyak RM1.1 Juta. Walau bagaimanapun, kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dalaman yang telah tidak mampu menampung pertambahan air larian hujan juga perlu dilaksanakan secara bersepadu antara JPS dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain daripada menjalankan kerja-kerja fizikal, kesedaran kepada masyarakat juga perlu ditingkatkan memandangkan antara punca utama banjir adalah disebabkan sampah sarap yang dibuang ke dalam sistem saliran yang seterusnya menghalang aliran air.
- b) Untuk Projek RTB Anak Sungai Udang, peruntukan sebanyak RM20 juta telah pun dipohon dalam RMK12. Ia melibatkan kos pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti selain daripada kerja-kerja pelebaran Anak Sungai Udang. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan persekutuan.

Selain itu, Projek Retrofitting Sistem Saliran Anak Sungai Udang dengan kos RM10 juta juga dipohon dalam RMK12 bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran utama yang masuk ke Anak Sungai Udang. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan negeri.